



Sumber: UTUSAN MALAYSIA

Pegawai syariah di luar negara

Penempatan mereka di kedutaan Malaysia di luar negara diyakini lebih banyak pro daripada kontra

Oleh ZAINUL RIJAL ABU BAKAR

MASYARAKAT Melayu Islam di Malaysia dewasa ini sudah agak kompleks. Mereka tidak hanya tinggal di dalam negara sahaja tetapi sering ke luar negara atas pelbagai urusan dan perniagaan. Perubahan ini berlaku sejajar dengan perkembangan negara dan kemajuan yang dikecapi oleh Malaysia.

Malah, sesetengah rakyat Malaysia pula bermastautin di luar negara. Ada juga yang melangsungkan perkahwinan di luar negara dan tidak kurang juga yang menghadapi krisis rumah tangga di sana. Sebahagian lain berkahwin dengan rakyat asing dan menetap di dalam negara.

Kedutaan Malaysia di luar negara serta Pejabat Pesuruhjaya Tinggi dan Konsul sering menjadi tumpuan bagi menyelesaikan permasalahan ini namun pegawai-pegawai yang bertugas di sana bukanlah seorang yang berkelayakan membantu dalam hal ehwal undang-undang syariah. Walaupun ada pegawai-pegawai agama di kedutaan Malaysia di luar negara, namun pegawai agama ini tidak berkemahiran dalam undang-undang Islam, keadilan dan mahkamah syariah. Mereka juga tidak didedahkan sepenuhnya dengan tatacara di mahkamah syariah.

Dalam hal yang demikian, suatu kajian sebenarnya telah dilakukan bagi mengkaji kewujudan fungsi mahkamah syariah di Kedutaan, Pejabat Pesuruhjaya Tinggi dan Konsul Malaysia di luar negara. Buat masa ini tidak terdapat peruntukan undang-undang yang jelas bagi menyokong saranan ini walaupun keputusannya sudah dapat dilihat. Oleh itu, beberapa peruntukan undang-undang harus dipinda bagi membolehkan pengiktirafan dibuat ke atas saranan ini. Syer mewujudkan fungsi mahkamah syariah di Kedutaan Malaysia di luar negara telahpun dibuat bagi memberi perkhidmatan kepada rakyat Malaysia yang memerlukan. Pada pandangan saya antara perkhidmatan-



TintaPPMM

perkhidmatan yang boleh diberikan ialah menyebarkan maklumat mengenai prosedur perkahwinan, perceraian, penjagaan anak, tuntutan nafkah, pusaka dan hibah. Begitu juga halnya dengan permohonan kebenaran berkahwin di luar negara, wali hakim, aduan rumah tangga dan perkhidmatan mediasi.

Bermastautin

Terdapat banyak kes yang melibatkan rakyat Malaysia yang beragama Islam bermastautin di luar negara, mereka sering menghadapi masalah dan kelewatan kerana keterangan tidak dapat diambil di mahkamah syariah di Malaysia. Untuk mereka pulang ke tanah air semata-mata bagi memberi keterangan mungkin adalah amat tidak praktikal dan melibatkan kos yang tinggi.

Pegawai Syariah yang ditempatkan di Kedutaan Malaysia di luar negara ini dapat membantu hakim dalam mencapai suatu keputusan yang adil dan cepat, mengambil keterangan semasa perceraian, menguruskan kes secara sistematik dan memantau rakyat Malaysia yang menghadapi masalah di luar negara.

Pegawai Syariah ini juga boleh bertindak

sebagai penasihat kepada rakyat Malaysia yang berada di luar negara dalam hal ehwal Islam. Sudah tentu alam persekitaran yang tidak Islamik di luar negara mengundangi kedudukan sebagai undang-undang Islam itu sendiri.

Sebenarnya cadangan ini pernah dibuat oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) sebelum ini dan kajian telahpun dilakukan. Namun pelaksanaannya masih belum lagi dibuat. Adalah diharapkan dengan adanya Pegawai Syariah di Kedutaan Malaysia di luar negara perjalanan kes di mahkamah syariah dapat disegerakan, di samping menjimatkan kos kepada rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara itu. Mereka tidak perlu berulang alik ke tanah air semata-mata bagi menghadiri perceraian di mahkamah.

Bagi merealisasikan saranan ini, Akta Pendaftaran Agama Islam, Akta Undang-Undang Keluarga Islam dan Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah hendaklah dipinda. Ini bagi bertujuan memberi pengiktirafan terhadap siasatan dan perceraian yang dijalankan oleh Pegawai Syariah di luar negara.

Namun, kekangan utama mungkin bukan datang daripada sudut undang-undang ataupun pegawai itu sendiri. Masalah yang paling utama ialah kes dan beban kewangan yang perlu digalas oleh pihak Kerajaan sekiranya ingin melaksanakan saranan ini.

● PENULIS ialah Presiden Persatuan Peguam Peguam Islam Malaysia (PPIMM) dan boleh dihubungi melalui e-mel di zainul.rijal@abubakar.my

AgamaMega



USAKA ini banyak memberi manfaat kepada rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara. Gambar: Hasan

Lebih banyak kebaikan

WALAU bagaimanapun, kerajaan perlu memberi saranan ini dengan mendalam dan objektif kerana ia banyak memberi manfaat kepada rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara. Dalam masa yang sama ia juga akan mengurangkan jumlah kes tertunggak di Malaysia kerana perceraian masih boleh dijalankan walaupun salah satu pihak itu tidak berada dalam Malaysia.

Mungkin teknologi terkini boleh digunakan bagi membolehkan kedua belah pihak mendapat perceraian yang adil, mengikutnya serta keputusan yang dibuat oleh hakim itu berdasarkan fakta-fakta yang betul setelah didengar daripada kedua-dua belah pihak.

Buat permulaan ini tumpuan harus diberikan kepada negara-negara yang mempunyai bilangan rakyat Malaysia beragama Islam yang besar kerana mereka yang lebih memerlukan perkhidmatan seperti ini.

Keadilan

Dengan cara ini rakyat akan lebih mudah mendapat keadilan tanpa perlu mengeluarkan belanja yang besar. Dengan cara ini keadilan dan rasa hormat kepada mahkamah syariah akan menebal dan banyak kebaikan dapat terhasil daripadanya.

Penulis amat menyokong sekiranya pegawai syariah ditempatkan di kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negara. Dengan cara ini juga kelegahan yang sering dihadapi dapat diminimalkan, di samping itu juga ia akan memberi ruang yang lebih besar lagi kepada Pegawai Syariah dalam konteks kenaikan pangkat dan juga peluang-peluang sampingan lain.

Keharmonian rumah tangga dan kerutuhan rumah tangga berlaku di dalam negara. Dengan kebebasan yang lebih di luar negara, ada kalanya ia juga mempengaruhi hubungan suami isteri antara pasangan Islam. Keadaan akan menjadi lebih buruk lagi sekiranya salah seorang daripada pasangan suami isteri tersebut bukan merupakan rakyat Malaysia.

CADANGAN ini pernah dibuat oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) sebelum ini. - Gambar: Hasan

